



Headline: Rugi diperdaya sindiket pinjaman tak wujud  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 20 April 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 16

## **Rugi diperdaya sindiket pinjaman tak wujud**

**KUANTAN**-Seorang pegawai eksekutif rugi RM2700 ditipu sindiket yang menawarkan pinjaman peribadi yang tidak wujud, Ahad lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata mangsa tertarik dengan pinjaman dari Facebook YY & WIN.

Menurutnya, mangsa ambil keputusan untuk menghubungi suspek yang dikenali sebagai Janet melalui WhatsApp dan bersetuju membuat pinjaman RM10,000 dengan kadar bayaran RM466 sebulan bagi tempoh dua tahun dan perlu melakukan pembayaran guaman.

"Mangsa turut meminjam wang daripada rakan-nya yang memasukkan RM350 ke akaun Maybank atas nama Norasri Muhammad Selasa lalu.

"Keesokan harinya, mangsa memasukkan lagi RM859 ke akaun sama untuk tujuan insurans.



**MOHD WAZIR**

"Dan pada hari yang sama, mangsa juga memasukkan RM1,500 untuk pembukaan akaun bank," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam

Mohd Wazir berkata, mangsa dijanjikan oleh suspek bahawa wang pinjaman termasuk wang bayaran berjumlah RM1,500 akan dimasukkan ke dalam akaun mangsa dalam masa 15 minit.

Katanya, mangsa semak akaun dan mendapati tiada duit RM11,500 seperti dijanjikan suspek dan membuat laporan polis.

### **INFO KES**

**5 Januari**- Lelaki berusia 36 tahun dari Karak rugi RM3,960 selepas terpedaya dengan tawaran iklan pinjaman wang tidak wujud yang diterima melalui aplikasi Whatsapp.

**8 Januari**- Pekebun di Cameron Highlands rugi RM8,650 apabila tertipu dengan tawaran pinjaman wang tidak wujud yang ditawarkan scammer menyamar ejen bank yang menghubunginya melalui panggilan telefon.

**13 Januari**- Kakitangan sebuah agensi kemajuan tanah di Maran rugi RM2,625 apabila menjadi mangsa sindiket pinjaman wang tidak wujud didalangi seorang wanita.

**17 Januari**- Wanita dari Raub berputih mata apabila wang RM10,000 yang dipinjam tidak dapat sebaliknya terpaksa menanggung kerugian RM2,280 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan tawaran pinjaman tidak wujud.